

Yayasan Pondok 1Malaysia Hargai Pendekatan Najib Memartabatkan Institusi Pondok Bernama 31 Januari, 2013

ALOR SETAR, 31 Jan (Bernama) -- Yayasan Pondok 1Malaysia cawangan Kedah melahirkan penghargaan terhadap pendekatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam memartabatkan institusi pondok.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penajanya Ahiq Elahi Mat Desa berkata kesudian Perdana Menteri berjumpa dan berbincang dengan guru-guru pondok juga mencerminkan keprihatinan beliau terhadap kebajikan guru dan warga pondok keseluruhannya.

"Dalam hal ini yayasan memuji pendekatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak untuk mengangkat dan memartabatkan institusi pondok di Malaysia," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Terdahulu beliau menyerahkan resolusi Yayasan Pondok 1Malaysia cawangan Kedah kepada Najib di sini, hari ini yang dalam rangka lawatan sehari ke Kedah.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung, Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Kedah Datuk Mohd Johari Baharom dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Paduka Ahmad Bashah Md Hanipah.

Lapan mudir mewakili lapan buah pondok pengajian di Kedah diketuai pengerusi jawatankuasa penaja Yayasan Pondok 1Malaysia cawangan Kedah Sobri Othman turut menikmati jamuan makan tengah hari bersama Perdana Menteri.

Resolusi itu antara lain meminta kerajaan mengiktiraf dan mendaulatkan sistem pengajian pondok, mengiktiraf sijilnya setaraf dengan pusat pengajian yang diiktiraf dan untuk menzahir komitmen guru pondok seluruh negara bagi memelihara akidah umat Islam berteraskan Sunnah Wal-Jamaah dan hal agama tidak dipermainkan oleh mana-mana pihak.

Dalam pada itu, Ahiq Elahi berkata yayasan turut menyatakan komitmen kepada Perdana Menteri untuk membantu kerajaan memartabatkan Islam tanpa bermotifkan politik.

Katanya yayasan juga akan menganjur siri ceramah ke seluruh negara bagi menjelaskan isu-isu berkaitan agama termasuk penggunaan kalimah Allah dalam Bible versi bahasa Melayu, berlandaskan kitab-kitab muktabar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925284>